

28 MAR 2004

Najib-Felda

NAJIB SAMBUT BAIK ARAHAN PM SUPAYA FELDA DILETAK DIBAWAH  
TANGGUNGJAWABNYA

SEPANG, 28 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Razak menyambut baik arahan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi supaya Felda diletakkan dibawah tanggungjawab beliau dan berjanji akan mengawasi perjalanan pentadbiran serta pengurusan Felda dengan lebih baik.

Timbalan Perdana Menteri itu berkata tugas pertama beliau ialah mendengar laporan serta pandangan pihak pengurusan Felda, sebelum beliau boleh membuat sebarang pertimbangan menentukan apakah konsep pembangunan Felda yang lebih berjaya.

"Tugas pertama saya ialah mendengar dahulu laporan (pihak pengurusan Felda) sebelum boleh buat keputusan dan pertimbangan sewajarnya," katanya kepada pemberita ketika ditemui di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), setibanya beliau daripada lawatan ke Singapura, di sini hari ini.

Beliau berkata tanggungjawab mengawasi Felda adalah selaras dengan hasrat Perdana Menteri untuk memajukan lagi pembangunan di kawasan luar bandar.

Katanya, Felda perlu diberi nafas baru supaya pembangunan tanah di luar bandar dapat dimajukan lebih giat lagi.

Abdullah mengumumkan bahawa Felda akan diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) dengan Najib dipertanggungjawabkan secara langsung terhadap agensi itu, selaras dengan usaha kerajaan memberi penekanan terhadap pembangunannya dalam era baru.

Felda sebelum ini diletakkan di bawah Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, yang telah distruktur semula ekoran pengumuman kabinet baru oleh Perdana Menteri semalam.

Penyusunan semula Felda terkandung didalam pembentangan Bajet 2004 September tahun lepas apabila bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad mengumumkan cadangan penyenaraian agensi itu di Bursa Saham Kuala Lumpur (kini Malaysia Securities Exchange Bhd).

Namun kira-kira dua bulan kemudian, penyenaiaan itu ditangguhkan oleh Abdullah dengan alasan bagi memastikan kepentingan dan kebajikan para peneroka dibawah skim Felda dilindungi.

Najib berkata keperluan supaya Felda dimajukan adalah selaras dengan manifesto Barisan Nasional yang mahukan setiap kelompok masyarakat di bandar dan luar bandar tidak terpinggir daripada arus pembangunan.

"(Ini supaya) Tiada kumpulan atau kelompok masyarakat akan terasa terbiar atau terpinggir (dari arus pembangunan)," katanya.

-- BERNAMA

RIZ AZH